

Met Galleria pembangunan terkini KL Metropolis

KUALA LUMPUR: Met Galleria, ruang komersial dua tingkat, akan menjadi projek terbaharu kepada pembangunan Metropolis KL Naza TTDI Sdn Bhd.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi syarikat, Datuk Idzham Mohd Hashim, berkata ruang mewah dua tingkat bernilai RM160 juta itu akan menjadi pilihan utama peruncit.

“Met Galleria bermatlamat memenuhi 350,000 penduduk

sedia ada di kawasan sekitar, serta pemilik pembangunan kediaman yang akan datang (di KL Metropolis), pengunjug dan pekerja dari pejabat-pejabat berhampiran Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Met Galleria kepada pemegang kepentingan semalam.

Setakat ini, 15 peratus daripada pembangunan siap dan selebihnya dijadual siap pada

suku pertama 2021.

Empat puluh peratus daripada ruang di Met Galleria akan dikhususkan untuk makanan dan minuman, 20 peratus untuk kedai konsep runcit dan selebihnya untuk penyewa utama, perkhidmatan dan ruang jualan jangka pendek.

Selain Met Galleria, pembangunan lain di KL Metropolis yang dijangka siap pada 2021 termasuklah menara pejabat korporat MET

dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM650 juta, MET 1 Residents dan Arte Mont Kiara.

Pembangunan KL Metropolitan dengan GDV RM20 bilion, merangkumi kawasan seluas 30.55 hektar dan merupakan tumpuan utama pembangunan Naza TTDI.

“Kami membina untuk menampung permintaan tersedia dan fokus kepada usaha untuk menarik penduduk sedia ada,” katanya. — Bernama